



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN


WILAYAH



Malaysia runding bekalan vaksin tambahan dari China



[Suzalina Halid](#) - April 2, 2021 @ 4:25pm
suzalina@bh.com.my



Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein (kiri) bersama rakan sejawatnya dari China, Wang Yi, dalam pertemuan di Fujian, China, semalam. - Foto Facebook Hishammuddin Hussein

KUALA LUMPUR: Malaysia berhasrat mendapatkan lebih bekalan vaksin dari China membabitkan generasi kedua dan ketiga dari negara berkenaan.

Perkara itu dibincang melalui pertemuan Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan rakan sejawatnya dari China, Wang Yi, dalam sesi lawatan di Fujian, China, semalam.

Hishammuddin berkata, Malaysia sudah menerima dua jenis vaksin buatan China iaitu SinoVac dan CanSino setakat ini.

"Terima kasih diucapkan kepada Presiden Xi Jinping yang berjanji menghasilkan vaksin selamat dan berpatutan demi kebaikan awam global.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 15m  [839 individu dapat kerja sesuai kelulusan](#)
- 25m  [Dua warga Australia dibebaskan dari tahanan Myanmar](#)
- 27m  [Quartararo kuasai MotoGP Doha](#)
- 54m  [Solskjaer akui Man Utd 'lambat panas'](#)
- 55m  [Kiswah Kaabah diselenggara menjelang Ramadan](#)
- 1h  [Atletico tewas lagi](#)
- 1h  [FINAS sedia bantu aktifkan PiNCER](#)
- 1h  [AS tutup Kem 7 Penjara Guantanamo](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [PCA dihadkan hanya 2,000 orang sehari](#)
- [COVID-19: Malaysia, AS setuju tumpu pembuatan dan pengedaran vaksin apabila tersedia](#)

VAKSIN



[NASIONAL](#) Apr 4, 2021 @ 8:07pm

[KKM jalin kerjasama pelbagai pihak bantu penduduk luar bandar daftar program imunisasi](#)

vaksin apabila tersedia

- **Malaysia-China tubuh Jawatankuasa Peringkat Tinggi Kerjasama Pasca COVID-19**
- **Malaysia, China meterai perjanjian bangun vaksin COVID-19**

"Kami amat menghargai komitmen China tahun lalu dalam menyenaraikan Malaysia sebagai antara penerima utama vaksin.

"Saya dan Wang Yi bersetuju perbincangan lebih mendalam mesti dilaksanakan semua pihak berkepentingan membabitkan banyak agensi dan kementerian sebelum pengumuman dibuat kedua-dua pemimpin untuk merealisasikan komitmen ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Hishammuddin berkata, Malaysia dan China juga bersetuju secara prinsip untuk saling mengiktiraf sijil digital vaksinasi atau sijil kesihatan COVID-19 yang memudahkan pergerakan rentas sempadan antara kedua-dua negara pada masa depan.

Katanya, Malaysia dan China juga bersetuju memuktamadkan prosedur operasi standard (SOP) mengenai perjalanan rentas sempadan termasuk mewujudkan Laluan Hijau Timbal Balik (RGL).

"Kita menekankan mengenai keperluan pelajar Malaysia kembali melanjutkan pengajian mereka di China dan rakan sejawat saya turut menyatakan komitmen untuk menyelesaikan masalah itu," katanya.

Menerusi lawatan itu, Malaysia dan China mencipta sejarah apabila menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pertama bagi menubuhkan Jawatankuasa Tahap Tinggi untuk mempromosikan kerjasama pada era pasca COVID-19.



Hishammuddin berkata, Malaysia dan China juga bersetuju secara prinsip untuk saling mengiktiraf sijil digital vaksinasi atau sijil kesihatan COVID-19 yang memudahkan pergerakan rentas sempadan antara kedua-dua negara pada masa depan. - Foto Wisma Putra

Hishammuddin berkata, melalui MoU itu, Jawatankuasa Tahap Tinggi membabitkan kerjasama pasca COVID-19 turut ditubuhkan dan jelas menunjukkan tekad kedua-dua menteri luar untuk terus memajukan hubungan dalam landskap dua hala baharu.

"Jawatankuasa ini akan bertindak secara menyeluruh dalam menjadi panduan bagi semua aspek hubungan Malaysia-China merangkumi kesediaan dan tindak balas terhadap pandemik, perdagangan dan pelaburan.



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 4:16pm

Kerajaan timbang tambah vaksin lawan varian baharu



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 2:59pm

Vaksin AstraZeneca: Kerajaan ada pelan sokongan



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 1:47pm

'PRU-15 selepas selesai imuniti berkelompok'

ASEAN Apr 4, 2021 @ 11:43am

Brunei mula laksana program vaksinasi COVID-19



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 11:24am

279,023 individu lengkapi dos vaksin COVID-19 - Dr Adham



TRENDING




LITAR 28 minit yang lepas

Quartararo kuasai MotoGP Doha



SELEBRITI Apr 4, 2021 @ 8:23pm

Uqasha dirisik



KES Apr 4, 2021 @ 7:24pm

Maut selepas 35 minit lari dari polis



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 12:25pm

Polis akan panggil Neelofa, suami



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 7:10am


14 cedera bas terbalik

MYRESIPI



INFOMASI Apr 2, 2021 @ 1:01pm

Resepi Cendawan Busut Tumis Air, Hanya Guna 6 Bahan Je



INFOMASI Apr 2, 2021 @ 1:00pm

Menu Semudah ABC Yang Menjadi Kegilaan Ramai, Ini Resepi Kulit Lembu Goreng Kicap!



INFOMASI Apr 1, 2021 @ 1:45pm

Banyak Lebihan Susu Di Rumah? Jom Cuba Resepi Susu Putih Bakar, Rangup

"Komoditi, keselamatan makanan, sains, teknologi dan inovasi, kemudahan perjalanan dan projek inisiatif 'belt and road'.

"Usaha kita ialah meletakkan asas kukuh untuk lawatan timbal balik oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ke China dalam masa terdekat dan pemimpin dari China melawat ke negara ini," katanya.

Hishammuddin berkata, perbincangan turut membabitkan mengenai masa depan perdagangan minyak sawit dan pihaknya menyambut baik komitmen republik itu untuk meningkatkan segmen Minyak Sawit Merah (RPO) di pasaran China dengan standard kumpulan baharu.

Menerusi jawatankuasa itu, katanya, Malaysia menantikan penyertaan China melalui Gabungan Keselamatan Makanan Antarabangsa (IFSC) yang dimulakan negara bagi memastikan rantai bekalan global yang mampan.

"Malaysia gembira dengan minat Perdana Menteri China, Li Keqiang, mengenai usaha negara ini meningkatkan Hab Automatif Komperehensif Tanjung Malim dan Pagoh," katanya.



[& Sedap!](#)



[INFOMASI](#) Apr 1, 2021 @ 1:44pm

[Masak Lemak Telur Sotong Bersama Belimbing, Makan Sekali Mesti Nak Tambah!](#)



[INFOMASI](#) Mac 31, 2021 @ 1:53pm

[Gabungan 'Croissant' & Donut, Ini Resepi Cronut Pie Yang Lazat](#)

BERITA BERKAITAN



[NASIONAL](#) Mac 23, 2021 @ 6:13pm

[Malaysia, Singapura saling perakui sijil vaksinasi](#)



[NASIONAL](#) Mac 24, 2021 @ 6:49pm

[Lawatan Dr Balakrishnan rintis jalan rentas sempadan](#)



[NASIONAL](#) Okt 13, 2020 @ 3:00pm

[Malaysia - China setuju teruskan rundingan RGL](#)




[KOLUMNIS](#) Okt 20, 2020 @ 11:01am

[Manfaat keakraban dengan China tanpa gadai kedaulatan](#)

Disyorkan untuk anda

Recommended by



[Motion For Life](#)
Michelin Malaysia



[Invest now \\$ 250 in Companies like Amazon and get...](#)
PinkMoon Media



[Mansion Global Daily: Celebs in the New York...](#)
Mansion Global



[Funny Beach Pictures That Will Make You Laugh...](#)
TooCool2BeTrue





How can governments unlock the...

Pulse of Asia | Prudent...

Download



Putrajaya Residents Are Loving Affordabl...

Stair Lift | Sponsored Li...



Bayar 2 kali kurang untuk elektrik dengan...

PowerFactorSaver



Malaysia: New WiFi Booster Stops Expensive...

Next Tech



IKUTI KAMI DI:



BERITA

BHPLUS

Nasional

Kes

Politik

Pendidikan

Wilayah

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

RENCANA

WANITA

HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA

Foto

BHTV

Infografik

LANGGAN

Akhbar Digital

Akhbar BH

PERKHIDMATAN

Iklan Web

1Klassifieds

NSTP KLiK